



24 April 2025

Kenyataan Media

Untuk siaran segera

PUSPAKOM RAIKAN RAYA BERSAMA

STAF & RAKAN STRATEGIK:

HARGAI 30 TAHUN BERSAMA MENGHARUNGI CABARAN

Shah Alam, 24 April 2025 – PUSPAKOM hari ini menganjurkan *Majlis Rumah Terbuka Hari Raya 2025* bertemakan ‘*Anggun Raya Klasik*’, sebagai simbol penghargaan kepada warga kerja dan rakan strategik yang telah menjadi tonggak kekuatannya selama lebih tiga dekad.

Bertempat di Glenmarie Hotel & Golf Resort, Shah Alam, majlis ini dihadiri wakil-wakil dari badan kerajaan termasuk Kementerian Pengangkutan Malaysia (MOT) dan Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ), serta rakan insurans, pelanggan korporat dan para pembekal dari seluruh negara.

Sesi pertama majlis ini iaitu dari jam 11 pagi hingga 1 petang dikhaskan untuk menghargai warga kerja PUSPAKOM, manakala rakan strategik pula diraikan pada sebelah petang dari jam 2 petang hingga 7 malam.

Para hadirin disajikan pelbagai juadah istimewa serta aktiviti menghiburkan seperti kuiz tentang Inspection Hati Aidil, sebuah drama bersiri pendek mengisahkan integriti seorang Pemeriksa Kenderaan. Dibintangi barisan pelakon yang tidak asing lagi seperti Zahiril Adzim dan Azhan Rani, ia boleh ditonton di saluran YouTube PUSPAKOM.

“PUSPAKOM bukan sekadar organisasi pemeriksaan kenderaan. Kami juga rakan kerjasama kepada pihak berkuasa, rakan industri, dan juga pelanggan korporat dalam memastikan keselamatan kenderaan di Malaysia,” kata Ketua Pegawai Eksekutif PUSPAKOM, Mahmood Razak Bahman.



WARGA PUSPAKOM KEKAL BERDEDIKASI, TEGUH MENGHARUNGI CABARAN

Ketika PUSPAKOM melangkah ke era baharu, majlis Hari Raya ini menjadi simbol komitmennya terhadap keselamatan kenderaan, dan semangat berpasukan di kalangan warga kerja di 53 cawangannya.

Sepanjang bulan Mac tahun ini, semua cawangan PUSPAKOM (kecuali Langkawi dan Pekan) telah beroperasi selama 12 jam, termasuk hari Sabtu, untuk memudahkan para pelanggan menjelang perjalanan Hari Raya Aidilfitri mereka. Inisiatif ini telah meningkatkan kapasiti pemeriksaan harian dari 13,500 ke 15,500 kenderaan.

Di samping menambah masa operasi dari jam 5 petang sehingga sekiranya tempahan telah penuh pada hari tersebut, beberapa cawangan turut mula beroperasi pada hari Sabtu

Untuk menghargai pengorbanan warga kerja PUSPAKOM, baru-baru ini PUSPAKOM telah menganjurkan 11 sambutan Hari Raya yang meriah untuk warga kerja di semua enam wilayahnya, termasuklah Sabah dan Sarawak.

“Berat sama dipikul, ringan sama dijinjing. Selama 30 tahun, warga kerja PUSPAKOM telah bertungkus-lumus menjalankan amanah untuk menjadi penanda aras dalam pemeriksaan dan keselamatan kenderaan,” ujar Mahmood.

“Warga kerja dan rakan strategik adalah tonggak kekuatan kami. Saya yakin PUSPAKOM akan kekal relevan dalam industri automotif negara dengan sokongan mereka dan transformasi dari segi perkhidmatan, inovasi dan integriti,” ujar beliau menutup bicara.



BEKERJASAMA DENGAN RAKAN STRATEGIK UNTUK MEMUDAHKAN PELANGGAN

Antara inisiatif kerjasama dengan rakan strategik PUSPAKOM untuk memudahkan pelanggan termasuklah:

1. Konsep deklarasi sendiri bagi lima item pemeriksaan yang tidak melibatkan aspek keselamatan bersama hasil rundingan bersama MOT dan JPJ.
2. Penawaran perkhidmatan insurans kenderaan oleh pelbagai rakan insurans di semua cawangan PUSPAKOM.
3. Pembaharuan cukai jalan di semua cawangan PUSPAKOM untuk motosikal, kenderaan persendirian, dan kenderaan perdagangan ringan yang mempunyai berat dan muatan (BDM) 7500kg dan ke bawah.
4. Sebut harga insurans dalam masa 24 jam dengan hanya mengisi borang di www.puspakom.com.my/pembaharuan-insurans-motor-2

PERKHIDMATAN TRAK DAN VAN BERGERAK MENJIMATKAN MASA PELANGGAN

Di samping bekerjasama dengan rakan strategik untuk memudahkan pelanggan, PUSPAKOM menawarkan perkhidmatan trak bergerak. Perkhidmatan ini ialah khusus bagi syarikat-syarikat yang memiliki jumlah kenderaan yang besar, seperti pengendali kenderaan perdagangan, syarikat penghantaran kargo, sekolah memandu, dan pengedar kenderaan.

Sementara itu, perkhidmatan van bergerak pula menawarkan pemeriksaan untuk kenderaan persendirian, termasuk bagi urusan pertukaran hak milik, cukai jalan tamat tempoh, dan pendaftaran kenderaan import.

Kedua-dua perkhidmatan ini memberikan kemudahan kepada pelanggan dengan membolehkan pemeriksaan dilakukan di lokasi pilihan mereka tanpa perlu hadir ke cawangan PUSPAKOM.

- TAMAT -